



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
 BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM-J7
 Wisma Pertahanan
 Jalan Padang Tembak
 50634 KUALALUMPUR
 Tel: 0320716425
 Laman Web: www.mafhq.mil.my

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR
 10 MAC 2020

PENULARAN BERITA PALSU COVID-19

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dengan ini menegaskan bahawa berita yang sedang tular berkaitan "**helikopter tentera khas akan menyembur racun perosak terhadap virus Corona di langit seluruh negara...**", (serta dalam versi Bahasa Inggeris) adalah merupakan berita **PALSU** dan semua pihak diminta berhenti menyebarkannya **SERTA-MERTA**.

Walaupun berita palsu ini tidak menyatakan dengan jelas helikopter milik perkhidmatan samada Tentera Darat, Laut atau Udara, namun penggunaan perkataan "tentera" atau "military" serta hebahan maklumat yang tidak benar boleh mencetuskan suasana panik di kalangan masyarakat. Tambahan, ketika ini negara sedang dilanda isu wabak COVID-19.

^ adalah ditegaskan, mana-mana individu yang didapati menyebarkan berita palsu boleh didakwa di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

Orang ramai dinasihatkan tidak mudah terpengaruh dengan sebarang berita yang boleh mencetuskan kebimbangan. Dapatkan maklumat COVID-19 yang sahih daripada talian *Hotline Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebarang perkembangan terkini juga turut dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui saluran *Telegram* Majlis Keselamatan Negara (MKN) - <https://t.me/MKNRasmi>

Lampiran:

Ayat tular dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

-TAMAT-

"KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

AYAT VERSI BAHASA MELAYU

Forwarded

Hari ini, helikopter tentera khas akan menyembur racun perosak terhadap virus Corona di langit di seluruh negara, jadi anda mesti berada di dalam rumah selepas jam dua belas malam.

Dan keluarkan semua pakaian yang berada di luar, apabila anda mendengar bunyi pesawat pada waktu malam, anda tahu bahawa ia berkaitan dengan perkara ini (COVID-19). Berlaku di Malaysia. Pls memaklumkan jika anda mempunyai keluarga dan rakan-rakan di Malaysia.

11:47 AM

AYAT VERSI BAHASA INGGERIS

Forwarded

Today, special military helicopters will spray pesticides against the Corona virus in the skies all over the country, so you must stay indoors after twelve o'clock at night.

And remove all clothes which are outside. when you hear the sounds of airplanes at night, it is for you to know that it is related to this matter (COVID-19). Happening in Malaysia. Pls inform if you have family and friends in Malaysia.

12:02 PM